

ACW 0944

PERLANTIKAN KETUA NEGARA:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN
ANTARA SISTEM SYŪRĀ DAN DEMOKRASI
PANCASILA

DEDIANTO USMAN

DISERTASI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA SYARIAH

JABATAN SIYASAH SYAR'IYYAH
BAHAGIAN PENGAJIAN SYARI'AH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2001

Perpustakaan Universiti Malaya



A510911383

ABSTRAK

Kajian ini adalah kajian ilmiah yang baru bagi perlantikan ketua negara dengan perbandingan antara sistem *Syūrā* dan demokrasi Pancasila di Indonesia. Tujuan utama kajian ini adalah untuk mencari konsep perlantikan ketua negara yang lebih baik dan berkesan dalam melahirkan ketua negara yang berkualiti dan amanah.

Bagi melihat lebih dekat segala permasalahan yang timbul dari kajian ini, serta untuk menghasilkan kesimpulan-kesimpulan yang tepat mengenai persoalan-persoalan di atas, tumpuan telah diberikan kepada perkara-perkara berikut:

Pertama: Mengkaji dan merumuskan kaedah perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā*. Kajian ini berdasarkan kepada pembahasan mengenai perlantikan ketua negara pada zaman *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*, pendapat para ulama dan pandangan mazhab-mazhab Islam. Rumusan dalam pembahasan ini merupakan kerangka teori kepada kajian ini.

Kedua: Mengkaji dan merumuskan kaedah perlantikan ketua negara dalam sistem Pancasila dan sistem *Syūrā* bagi memenuhi penyelidikan ini. demokrasi Pancasila. Satu perbandingan secara mendalam dibuat antara demokrasi

Secara keseluruhan penulis dapati banyak peraturan dan aspek-aspek perlantikan ketua negara yang agak longgar dalam demokrasi Pancasila. Hal ini memberikan kesan tertentu dalam kestabilan politik dan kepemimpinan negara di Republik Indonesia. Kondisi ini berbeza dengan sistem *Syūrā* yang lebih mantap pelaksanaannya pada zaman *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*. Di samping itu sistem

Syūrā telah terbukti lebih berkesan dan praktikal dalam melantik ketua negara yang berkemampuan dan cekap.

ABSTRACT

This study is a new scientific study on the appointments of state heads in a *Syūrā* system in comparison with those of a Pancasila democracy system in Indonesia. The main objective of this study is to search for a conceptual foundation of state head appointments, which is more sound and impressive in giving birth to qualified and trusted state heads.

To investigate more critically all the problems emerging in this study, and to come to accurate conclusions on the problems in question, this study focuses on the following areas or activities of investigation. First: To study and formulate principles of state head appointments in a *Syūrā* system. This is based on an investigative discussion of state head appointments in the *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* era, opinions of ulamas and views of Islamic schools of thought. The discussion is formulated as such that the formulation is utilised as the conceptual framework of this study.

Second: To study and formulate principles of state head appointments in a Pancasila democracy system. To have a comprehensive investigation, this study carries out an in-depth comparison between the Pancasila democracy system and the *Syūrā* system.

On the whole, it is found that there are many laws and aspects of state head appointments that are rather flexible in the Pancasila democracy system. This provides a certain impression with respect to the political stability and state leadership in the Republic of Indonesia. This is different from the *Syūrā* system,

which was more stable in its implementation in the *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* era. Moreover, it has been proven that the *Syūrā* system is more impressive and practical with respect to the appointments of qualified and righteous state heads.

SINOPSIS

Secara keseluruhan disertasi ini dibahagikan kepada lima bab. Intisari daripada pembahasan dan kajian dalam setiap bab tersebut adalah sebagai berikut:

Bab I. Bab ini adalah sebagai Pendahuluan dan pembuka tirai kepada bab-bab berikutnya. Penulis akan menumpukan perbincangan dalam bab ini mengenai pengenalan berkaitan dengan sistem *Syūrā* dan demokrasi Pancasila. Dalam bab ini penulis memulakan perbincangan dengan menjelaskan definisi *Syūrā* secara etimologi dan terminologi dengan menampilkan pendapat para ulama dan sarjana mengikut bidang yang dibincangkan.

Selanjutnya penulis membincangkan mengenai perkembangan sistem *Syūrā* semenjak zaman Rasulullah s.a.w sehingga ke zaman pemerintahan *al-Khulafā' al-Rāsyidīn*. Di samping itu penulis juga membincangkan mengenai hukum melaksanakan sistem *Syūrā* dalam pandangan Islam. Ini disebabkan kerana terdapat perselisihan pendapat para ulama mengenai kewajiban melaksanakan sistem *Syūrā*. Selain itu juga terdapat tuduhan-tuduhan sebahagian orientalis dan pengikut-pengikutnya yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabatnya tidak mengamalkan sistem *Syūrā*.

Mengakhiri pengenalan berkaitan dengan sistem *Syūrā* penulis membincangkan mengenai kaedah-kaedah pelaksanaan sistem *Syūrā*.

Setelah itu penulis membincangkan mengenai definisi demokrasi Pancasila secara etimologi dan terminologi dengan merujuk kepada para sarjana yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Kemudian penulis melanjutkan dengan membahas sejarah dan perkembangan demokrasi Pancasila. Iaitu perkembangan demokrasi Pancasila semenjak awal-awal kemerdekaan sehingga masa reformasi sekarang.

Di akhir bab penulis telah melanjutkan perbincangan mengenai prinsip-prinsip pemerintahan yang terdapat dalam demokrasi Pancasila.

Bab II. Sebagai lanjutan daripada bab sebelumnya, dalam bab ini penulis membahas tentang perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā*. Penulis memulakan bab ini dengan kajian sejarah mengenai proses perlantikan ketua negara pada masa pemerintahan Khulafā *al-Rāsyidūn*. Dalam perbincangan ini penulis berusaha membuktikan bahawa perlantikan ketua negara dalam Islam adalah berasaskan kepada sistem *Syūrā*. Iaitu perlantikan yang berdiri di atas suara dan kehendak rakyat yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip *Syūrā*.

Selanjutnya penulis mengadakan kajian mengenai pendapat para ulama dan mazhab-mazhab Islam berkaitan dengan perlantikan ketua negara. Dalam pembahasan ini penulis mengkaji tentang perlantikan berdasarkan "nas" yang diyakini oleh kelompok Syiah. Iaitu fahaman yang berpendapat bahawa ketua negara dilantik berdasarkan dalil al-Qur'an atau al-Hadith dan bukan melalui pemilihan. Kajian juga dibuat terhadap perlantikan berdasarkan konsep *al-Ikhtiyār*

(pemilihan) dan hakekat *al-'Ahd* (Pencalonan) yang diyakini oleh majoriti Ahl al-Sunnah.

Dalam membahas konsep *al-Ikhtiyār* penulis membincangkan dalil-dalil yang menunjukkan konsep ini adalah konsep utama yang wajib diamalkan oleh umat Islam. Di samping itu penulis juga membincangkan mengenai *Ahl al-Syūrā* dari segi hakikat, persyaratan dan jumlah keanggotaannya dalam sistem *Syūrā*.

Banyak para sarjana yang tersilap dalam memahami konsep *al-'Ahd* yang diakui oleh ulama *Ahl al-Sunnah*. Bahkan ada sebahagian sarjana yang menuduh beberapa ulama sebagai penyokong sistem pemerintahan yang diktator. Oleh kerana itu penulis dalam bab ini juga mengkaji mengenai kebenaran pandapat ini dengan membuktikan bahawa konsep *al-'Ahd* bukanlah perlantikan berdasarkan turun temurun tetapi berdasarkan kepada pencalonan daripada *Khalifah* yang terdahulu.

Di akhir bab penulis berusaha untuk memberikan gambaran dan bahasan yang lebih sederhana mengenai perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūrā*. Pembahasan-pembahasan dalam bab ini lebih banyak ditumpukan kepada teori-teori dan pendapat ulama. Hal ini memerlukan penyampaian dalam bahasa yang lebih mudah sehingga dapat difahami dan diamalkan dalam realiti kehidupan.

Bab III. Dalam bab ini penulis membincangkan mengenai perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila. Penulis memulakan bab ini dengan memberikan gambaran ringkas perlantikan ketua negara dalam demokrasi

Pancasila. Kemudian penulis melanjutkan dengan membincangkan mengenai dasar hukum perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila. Dalam hal ini penulis membahagikan kepada dua bahagian, iaitu perlantikan berdasarkan perlembagaan “*UUD 1945*” dan perlantikan berdasarkan “*Undang-Undang*”.

Setelah itu penulis membahas tentang persyaratan dan mekanisme perlantikan seorang ketua negara menurut demokrasi Pancasila. Di samping itu penulis juga membincangkan tentang syarat-syarat dan bentuk MPR/DPR (ahli Parlimen) yang berwenang dalam memilih dan melantik ketua negara. Dalam kajian ini penulis juga memberikan gambaran mengenai perkembangan MPR/DPR selama dalam periode demokrasi Pancasila. Iaitu bermula dari zaman Orde Baru sehingga masa reformasi.

Selanjutnya penulis mengakhiri bab ini dengan membincangkan kehidupan parti politik di Indonesia yang mempengaruhi proses perlantikan ketua negara. Dalam pembahasan ini penulis mengetengahkan masa keemasan dan masa kemunduran parti politik semenjak awal Orde Baru sehingga masa reformasi. Parti politik di Indonesia pernah mengalami masa jayanya di awal kemerdekaan sehingga tahun 1959. Setelah itu parti politik menghadapi tekanan demi tekanan sama ada di bawah pemerintahan rezim Soekarno maupun oleh rezim Soeharto. Setelah reformasi parti politik mula kembali menghirup udara kebebasannya kembali.

Bab VI. Ini merupakan bab utama dalam kajian ini. Dalam bab ini penulis melakukan kajian perbandingan mengenai perlantikan ketua negara antara sistem

Syūrā dan demokrasi Pancasila. Penulis memulakannya dengan perbandingan tentang dasar hukum perlantikan ketua negara dalam kedua sistem ini. Dalam pembahasan ini penulis membuktikan bahawa perlantikan dalam demokrasi Pancasila berpijak kepada dasar hukum yang sangat rapuh. Kerana kelahiran “UUD 1945” yang menjadi dasar hukum perlantikan ketua negara adalah di bawah pengaruh kolonialisme Jepun dan bersifat sementara seperti yang diakui oleh para pembuatnya. Di samping itu “UUD 1945” memiliki banyak kelemahan-kelemahan hukum sehingga ianya lebih cenderung melahirkan para diktator. Berbeza dengan sistem *Syūrā* yang berpijak pada dasar hukum yang kukuh kerana berasaskan kepada ajaran Islam. Hal ini akan dapat lebih diterima oleh masyarakat Indonesia yang majoritnya beragama Islam. Di samping sistem *Syūrā* itu sendiri telah terbukti dapat melahirkan pemimpin yang berkualiti.

Setelah itu penulis membandingkan antara syarat-syarat ketua negara di dalam sistem *Syūrā* dan demokrasi Pancasila. Dalam pembahasan ini penulis membuktikan bahawa syarat-syarat yang diwajibkan ke atas ketua negara dalam sistem *Syūrā* lebih berkesan dalam melahirkan ketua negara yang berkualiti dan amanah yang sesuai dengan kehendak rakyat. Di samping itu perlantikan dalam sistem *Syūrā* lebih menjamin kepentingan dan kemaslahatan rakyat. Sedangkan syarat-syarat yang diberikan oleh demokrasi Pancasila lebih longgar dan memudahkan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggung jawab dilantik sebagai ketua negara. Kondisi ini sangat membahayakan kepada kepentingan dan kemaslahatan rakyat.

Selanjutnya penulis membandingkan antara syarat-syarat ahli parlimen di dalam sistem *Syūrā* dan demokrasi Pancasila. Persyaratan ahli parlimen dalam sistem *Syūrā* adalah sangat ketat sehingga dapat menghasilkan ahli parlimen yang berkualiti dan penuh amanah. Dan sebaliknya kajian ini membuktikan bahawa kelonggaran persyaratan yang diberikan oleh demokrasi Pancasila telah menghasilkan para ahli parlimen yang pandai berjanji tapi tidak pernah mengotakannya.

Menutup bab ini penulis membandingkan mengenai kehidupan parti politik dan pilihan raya dalam sistem *Syūrā* dan demokrasi Pancasila. Dalam pembahasan ini penulis membuktikan bahawa kehidupan parti politik dan pilihan raya yang terlalu di tekan atau terlalu bebas tanpa aturan adalah bercanggah dengan sistem *Syūrā*. Sistem *Syūrā* menghendaki kehidupan parti politik dan pilihan raya yang bebas dan berlandaskan hukum yang jelas.

Bab V. Merupakan bab penutup dari keseluruhan kajian dalam disertasi ini. Dalam bab ini penulis memberikan kesimpulan akhir berkaitan dengan seluruh kajian. Di samping itu dalam bab ini penulis juga memberikan saranan dan cadangan yang perlu diketengahkan kepada umat Islam. Dalam hal ini penulis membahagikannya kepada saranan kepada bangsa Indonesia khasnya kepada umat Islam kemudian saranan dan cadangan secara am kepada umat Islam di seluruh dunia.

PENGHARGAAN

Segala puji ke hadirat Allah 'Ālim al-Ghaib wa al-Syahādah kerana dengan limpah rahmat, hidayah dan kurnia-Nya disertasi ini dapat disiapkan dan diselesaikan dengan baik dan lancar. Salawat beserta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w yang telah membuka tabir ilmu kedalam masyarakat yang jahiliyah sehingga menjadi masyarakat yang bertamaddun. Begitu juga kepada keluarga, sahabat dan para pengikutnya yang sentiasa memperjuangkan Islam sehingga akhir hayat mereka.

Dalam kesempatan ini, penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia disertasi ini, iaitu Ust. Shukeri Muhammad. Beliau telah banyak membimbing, memberi nasehat dan tunjuk ajar kepada penulis dalam merangka dan menyiapkan kajian ini. Hanya kepada Allah s.w.t sahaja penulis serahkan ganjaran yang setimpal di atas jasa baik beliau dalam menyumbangkan dan mengembangkan ilmu yang bermanfaat semata-mata kerana mengharapkan keredhaan Allah s.w.t.

Sekalung penghargaan penulis tujukan buat seluruh kaum keluarga tercinta, terutama kepada Ibunda tercinta Yasniar yang selalu medo'akan penulis dari jauh dan memberikan sokongan yang tidak pernah putus. Begitu juga kepada isteri tersayang Zulaiha binti Amir Syarifudin yang dengan setia sanggup menemani penulis dalam suka dan duka walaupun harus berada jauh dari keluarga.

Dalam kesempatan ini juga, penulis ucapan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang bermurah hati dalam memberikan berbagai-bagai urusan dan rujukan seperti Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akedemi Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Malaya, Perpustakaan Awam Pusat Islam, Perpustakaan Universiti Islam Antara Bangsa Malaysia dan juga kepada individu-individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ibu Darsimah Mandah, kak Silvana kak Wan Aisyah Wan Hamid, bang Wan Muhammad dan kepada semua teman-teman yang terlibat, yang nama mereka tidak dapat dimuatkan dalam ruangan yang terhad ini. Semoga segala bantuan dan kerjasama yang kalian berikan itu akan dibalas oleh Allah s.w.t dengan ganjaran yang setimpal.

Sebagai harapan penulis berharap kajian ini akan dapat memberikan manfaat dan panduan kepada pembaca. Semoga ia akan berkembang dari masa ke semasa dalam memberikan kefahaman kepada semua lapisan masyarakat bagi tujuan meninggikan dan mempertahankan syi'ar Islam di muka bumi.

Akhirnya segala yang baik dan benar itu adalah datang dari Allah s.w.t dan segala yang kurang dan salah datangnya dari penulis sendiri. *Wallāh a'lām bís śawāb.*

H. Dedianto bin Usman bin Jalil. No. 98. Jl Masjid Raya. Rt III.

Kel. Kemuning. Kotif Pagaralam. Sumatera Selatan. Indonesia.

ISI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
HALAMAN TAJUK	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iv
SINOPSIS	vi
PENGHARGAAN	xii
ISI KANDUNGAN	xiv
SENARAI JADUAL	xxi
KAEDAH TRANSLITERASI	xxii
SENARAI SINGKATAN	xxv
SENARAI ISTILAH	xxvii

BAB PENDAHULUAN

1. Latar Belakang Masalah	1
2. Permasalahan Kajian	8
3. Skop Kajian	8
4. Objektif Kajian	9
5. Kepentingan Kajian	10
6. Hipotesis	11
7. Metodologi Kajian	11
7.1. Metodologi Pengumpulan Data	12
7.2. Metodologi Analisa Data	18

BAB PERTAMA

SISTEM *SYŪRĀ* DAN DEMOKRASI PANCASILA: SATU PENGENALAN

1. Pendahuluan	24
2. Definisi <i>Syūrā</i>	25
2.1. Definisi <i>Syūrā</i> Secara Etimologi	25
2.2. Definisi <i>Syūrā</i> Secara Terminologi	27
3. Sejarah Dan Perkembangan <i>Syūrā</i>	30
3.1. <i>Syūrā</i> Pada Zaman Rasulullah S.A.W	32
3.2. <i>Syūrā</i> Pada Zaman <i>al-Khulafā' al-Rāsyidīn</i>	43
4. Hukum Melaksanakan <i>Syūrā</i>	44
4.1. Pensyariatan <i>Syūrā</i>	44
4.2. Keputusan <i>Syūrā</i> Wajib Ditaati oleh Ketua Negara dan Rakyat	52
5. Kaedah <i>Syūrā</i>	54
5.1. <i>Syūrā</i> Hanya Melibatkan Perkara-Perkara Ijtihad	55
5.2. <i>Syūrā</i> Hendaklah Selari Dengan Syariat	59
6. Definisi Demokrasi Pancasila	61
6.1. Definisi Demokrasi Pancasila Secara Etimologi	61
6.2. Definisi Demokrasi Pancasila Secara Terminologi	62
7. Sejarah Dan Perkembangan Demokrasi Pancasila	64

7.1. Sejarah Perumusan Pancasila	64
7.2. Perkembangan Demokrasi Pancasila	71
7.2.1. Pancasila Periode 1945-1950	71
7.2.2. Pancasila Periode 1950-1959	72
7.2.3. Pancasila Periode 1959-1965	73
7.2.4. Demokrasi Pancasila Periode Orde Baru (1966-1997)	78
7.2.5. Demokrasi Pancasila Periode Reformasi	85
8. Beberapa Prinsip Pemerintahan Demokrasi Pancasila	87

17%

BAB KEDUA

PERLANTIKAN KETUA NEGARA DALAM SISTEM SYŪRĀ

1. Pendahuluan	92
2. Perlantikan Ketua Negara Pada Masa <i>al-Khulafā' al-Rāsyidūn</i> .	94
2.1. Perlantikan Khalifah Abū Bakr r.a	94

2.2. Perlantikan Khalifah ‘Umar bin al-Khattāb r.a	103
2.3. Perlantikan Khalifah ‘Uthmān Bin ‘Affān r.a	107
2.4. Perlantikan Khalifah ‘Alī bin Abī Tālib r.a	113
;	
3. Pendapat Ulama Tentang Perlantikan Ketua Negara	117
3.1. Perlantikan Berdasarkan Nas.	118
3.2. Perlantikan Berdasarkan <i>Al-Ikhtiyār</i> /Pemilihan	129
3.2.1. Dalil Perlantikan Berdasarkan <i>Al-Ikhtiyār</i> /Pemilihan	129
3.2.2. Hakekat <i>Ahl Al-Syūrā</i>	133
3.2.3. Syarat-Syarat Wakil Rakyat	136
3.2.4. Jumlah <i>Ahl Al-Syūrā</i>	141
3.3. Perlantikan Berdasarkan <i>Al-'Ahd</i>	157
3.3.1. Hakekat <i>al-'Ahd</i>	158
;	
4. Syarat-Syarat Seorang Ketua Negara	162
4.1. Pendapat Ulama dan Sarjana Politik Islam Kontemporer	179
5. Perlantikan Ketua Negara Antara Teori Dan Reali	182

BAB KETIGA
PERLANTIKAN KETUA NEGARA DALAM SISTEM
DEMOKRASI PANCASILA

1. Pendahuluan	189
2. Asas Hukum Perlantikan Ketua Negara Dalam Demokrasi Pancasila	195
2.1. Asas Perlantikan Ketua Negara Berdasarkan UUD 1945	195
2.2. Asas Perlantikan Berdasarkan Undang-Undang	200
3. Syarat-Syarat Ketua Negara	205
4. Mekanisme Perlantikan Ketua Negara	209
5. Syarat-Syarat Ahli MPR/DPR	213
6. Susunan Dan Bentuk MPR/DPR	216
6.1. Susunan Dan Bentuk MPR/DPR Berdasarkan UU No. 16/1969.	216
6.2. Susunan Dan Bentuk MPR/DPR Berdasarkan UU No. 2/1985	219
6.3. Susunan Dan Bentuk MPR/DPR Setelah Reformasi	220
6.4. Utusan Daerah, Golongan Dan ABRI	222
7. Parti Politik	225

BAB KEEMPAT
PERLANTIKAN KETUA NEGARA:
SATU PERBANDINGAN ANTARA DEMOKRASI PANCASILA DAN
SISTEM SYURA

1. Pendahuluan	239
----------------	-----

2. Dasar Hukum Perlantikan Ketua Negara Antara Demokrasi Pancasila Dan Sistem <i>Syūrā</i>	240
2.1. Dasar Hukum Perlantikan Ketua Negara Dalam Demokrasi Pancasila	241
2.2. Dasar Hukum Perlantikan Ketua Negara Dalam Sistem <i>Syūrā</i>	254
 3. Syarat Ketua Negara Antara Demokrasi Pancasila dan Sistem <i>Syūrā</i> .	258
3.1. Kebangsaan Ketua Negara	258
3.2. Agama Ketua Negara	260
3.3. Jenis Kelamin Ketua Negara	265
3.4. Kesihatan Tubuh Ketua Negara	271
3.5. Keilmuan dan Kecakapan Seorang Ketua Negara	274
3.6. Kemampuan Dalam Memimpin Negara	276
3.7. Akhlaq Seorang Ketua Negara	277
3.8. Umur Seorang Ketua Negara	279
 4. Syarat Ahli Parlimen	279
4.1. Kewarganegaraan Dan Kedudukan Ahli Parlimen	279
4.2. Intelektualiti Ahli Parlimen	283
4.3. Akhlaq Ahli Parlimen	285
 5. Parti Politik Dan Pengaruhnya Dalam Perlantikan Ketuan Negara	287
6. Sistem Pilihan Raya Dan Pengaruhnya Dalam Perlantikan Ketua Negara	293

BAB KELIMA

PENUTUP

1. Pendahuluan	303
2. Kesimpulan	304
3. Saranan	310
3.1. Saranan Untuk Kehidupan Politik Di Indonesia	310
3.1.1. Saranan Menuju Perlembagaan dan Hukum yang Kuat	311
3.1.2. Saranan ke Arah Kehidupan Parti Politik dan Pilihan Raya yang Lebih Baik	312
3.1.3. Saranan Menuju Ahli Parlimen yang Berkualiti	313
3.1.4. Saranan Menuju Kepada Persyaratan Ketua Negara Yang Berkesan	315
3.2. Saranan Kepada Umat Islam	316
BIBLIOGRAFI	318
LAMPIRAN	341

SENARAI JADUAL

Susunan Ahli MPR/DPR Hasil Pilihan Raya 1971.

Komposisi Ahli DPR/MPR RI Hasil Pilihan Raya 1999.

Hasil Pilihan Raya Orde Baru Dalam Jumlah Kerusi Di Parliment.

Sejarah Perkembangan Parti Politik Indonesia 1908-1998

Distribusi Ayat Dan Bab Tunggal Ayat UUD 1945 Mengikut Komponen Negara

Tempat Duduk Ahli Parliment Hasil Pilihan Raya 1999 (DPR)

Keterwakilan Suara Rakyat Di Parliment

KAEDAH TRANSLITERASI

Penulisan ayat-ayat atau kata-kata dari bahasa Arab ke dalam huruf Rumi merujuk kepada pedoman transliterasi yang diterbitkan oleh Dewan Pustaka dan Bahasa. Iaitu buku Pedoman Transliterasi Huruf Arab ke Huruf Rumi. Cetakan ke II. Tahun 1998. Pedoman transliterasi itu adalah seperti pada muka surat berikut:

TRANSLITERASI

HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	A	ط	T
ب	B	ظ	Z
ت	T	ع	'
ث	TH	غ	GH
ج	J	ف	F
ح	H	ق	Q
خ	KH	ك	K

د	D	ج	L
ذ	DH	ڙ	M
ر	R	ڦ	N
ز	Z	ڙ	W
س	S	ڻ	H
ش	SY	ڻ	,
ص	S	ى	I, Y
ض	D	ڦ	
ه	T	ketika dihidupkan bunyinya	
ه	H	ketika dihentikan bunyinya	

VOKAL PENDEK

..... = a

-VOKAL PANJANG

$$\text{---} = \bar{a}$$

$$\text{-----} = u$$

$$, \dots = \bar{u}$$

DIFTONG

أو = aw

أَيْ = ay

$$\underline{\underline{z}} = iy/\bar{i}$$

$$\ddot{\varphi} = uw\dot{w}$$

SENARAI SINGKATAN

ABRI	= Angkatan Bersenjata Republik Indonesia.
BPPT	= Badan Penyelidikan dan Pengembangan Teknologi.
BPUPKI	= Badan Penyelidikan Usaha Persiapan Kemerdekaan Indonesia.
DPR	= Dewan Perwakilan Rakyat.
DPR GR	= Dewan Perwakilan Rakyat Gontong Royong.
G 30/S PKI	= Gerakan 30 September 1965 Parti Komunis Indonesia.
GBHN	= Garis-garis Besar Haluan Negara.
Golkar	= Golongan Karya.
Keppres	= Keputusan Presiden
MASYUMI	= Majelis Syura Muslimin Indonesia
MPR	= Majelis Permusyawaratan Rakyat.
MPRS	= Majelis Permusyawaratan Rakyat Sementara.
MPR GR	= Majelis Permusyawaratan Rakyat Gontong Royong.
NU	= Nahdhatul Ulama.
Orba	= Orde Baru. Masa pemerintahan di bawah kekuasaan rezim Soeharto.
Orla	= Orde Lama. Masa pemerintahan di bawah Rezim Soekarno.
Pangdam	= Panglima Daerah Militer.
Parmusi	= Parti Muslimin Indonesia.
Parpol	= Parti Politik.
Parkindo	= Parti Kristen Indonesia .

PSII	= Parti Syarikat Islam Indonesia.
Partindo	= Parti Indonesia.
PDI	= Parti Demokrasi Indonesia.
PDIP	= Parti Demokrasi Indonesia Perjuangan.
Penpres	= Perintah Presiden.
Permen	= Peraturan Menteri.
Perti	= Persatuan Tarbiyah Islamiah.
PNI	= Parti Nasional Indonesia
PP	= Peraturan Pemerintah
PPKI	= Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia.
PPP	= Parti Persatuan Pembangunan.
PSI	= Parti Syarikat Islam.
r.a	= <i>Rađiyallāhu 'Anh.</i>
RI	= Republik Indonesia.
RIS	= Republik Indonesia Serikat.
s.a.w	= <i>Sallallāhu 'Alaih wa Sallam.</i>
s.w.t	= Subḥānahu wa Ta'ālā.
UU	= Undang-undang.
UUD 1945	= Undang-undang Dasar 1945.

SENARAI ISTILAH

- Ahl al-Hal wa al-'Aqd* = Sebahagian nama bagi ahli parlimen dalam sistem *Syūrā*
- Ahl al-Ijtihād* = Sebahagian nama bagi ahli parlimen dalam sistem *Syūrā*
- Ahl al-Qudrah* = Sebahagian nama bagi ahli parlimen dalam sistem *Syūrā*
- Ahl al-Syūrā* = Sebahagian nama bagi ahli parlimen dalam sistem *Syūrā*
- Ahl Syaukah* = Sebahagian nama bagi ahli parlimen dalam sistem *Syūrā*
- al-'Ahd* = Konsep pemilihan berdasarkan penamaan calon ketua negara oleh ketua negara yang terdahulu.
- Al-Ikhtiyār* = Pemilihan ketua negara berdasarkan pemilihan oleh rakyat
- al-Imāmah* = Kepemimpinan am yang mengatur kehidupan dunia dan memelihara kepentingan agama.
- Bai 'ah* = Perlantikan dan sumpah antara rakyat/wakil rakyat dengan ketua negara dalam sistem pemerintahan Islam.

Daerah Tk I	= Daerah Tingkat Satu atau dinamakan juga dengan Propinsi. Ianya sama dengan negeri di Malaysia.
Daerah Tk II	= Daerah Tingkat Dua atau dinamakan juga dengan Kabupaten. Ianya sama dengan perbandaran yang ada di dalam satu negeri.
Dekrit	= Dekri iaitu: perintah (keputusan dsb) yang dikeluarkan oleh kerajaan atau kepala negara (seperti raja, presiden dsb) dan mempunyai kuat kuasa seperti undang-undang.
Demokrasi Pancasila	= Sistem politik yang yang diamalkan dalam zaman Orde Baru. Iaitu satu sistem demokrasi yang berdasarkan kepada Pancasila.
Demokrasi Terpimpin	= Sistem politik yang diamalkan dalam zaman Orde Lama. Sistem Ini juga berdasarkan kepada Pancasila.
Funsional	= Kaki tangan kerajaan.
fusi parti	= Penggabungan di antara parti-parti politik.

<i>Ikhtilāf Lafz</i>	= Perbezaan dua pendapat dari segi susunan ayat sedangkan dari segi makna mempunyai kesamaaan.
<i>Ikhtilāf Maknawi</i>	= Perbezaan dua pendapat dari segi makna atau dari segi makna dan ayat.
<i>Imam afdal</i>	= Pemimpin yang terbaik di antara calon-calon pemimpin yang lain.
<i>Imam mafḍul</i>	= Pemimpin yang berada di bawah taraf <i>Imam Afḍal</i> .
<i>Imam</i>	= Salah satu nama/gelaran ketua negara dalam pemerintahan Islam.
<i>Istikhlāf</i>	= lihat <i>al-‘Ahd</i>
<i>Khalifah</i>	= Salah satu nama/gelaran ketua negara dalam pemerintahan Islam.
<i>Khilāfah</i>	= Képimpinan am yang mengatur kehidupan dunia dan memelihara kepentingan agama Islam.
<i>Al-Khulafā' al-Rāsyidūn</i>	= Empat <i>Khalifah</i> (ketua negara) yang wujud setelah Rasulullah s.a.w wafat. Iaitu bermula dari <i>Khalifah Abū Bakr r.a.</i> sehingga <i>Khalifah ‘Alī bin Abi Tālib r.a.</i>
<i>Majlis Syūrā</i>	= Parlimen dalam sistem <i>Syūrā</i> .
Rapat Paripurna	= Musyawarah Agung MPR.

<i>Sarih</i>	= Nas yang menyatakan dengan tegas dan terang mengenai sesuatu persoalan.
<i>Sīrah</i>	= Sejarah.
<i>Sunnatullah</i>	= Peraturan-peraturan dan ketetapan Allah s.w.t.
<i>Syūrā</i>	= Setiap musyawarah yang membawa kepada mendiskusikan berbagai pendapat yang berbeza, sehingga dapat dibezakan antara (pendapat) yang kuat dan utama serta memilih yang terdekat dengan tujuan-tujuan (maqasid) syariat serta prinsip-prinsip (<i>mabādi'</i>) Islam
Tap MPR	= Ketetapan MPR.
<i>Ukhūwwah Islāmiyyah</i>	= Persaudaraan Islam.

PENDAHULUAN

1. Latar belakang masalah.

Indonesia negara muslim terbesar di dunia. Islam telah masuk ke Indonesia semenjak abad 8 M.¹ Hal ini menunjukkan bahawa Islam telah berakar umbi dalam masyarakat Indonesia. Tetapi dalam realiti kehidupan ajaran Islam tidak terlaksana secara menyeluruh. Banyak terjadi pergeseran nilai sosial politik yang mengarah kepada menjahui ajaran Islam. Sehingga dalam masyarakat Indonesia kontemporeri Islam lebih dekat kepada upacara-upacara ritual semata.

Keadaan seperti ini mendorong para ulama untuk melakukan pembaharuan (*Tajdīd*) terhadap pemikiran Islam. Usaha-usaha *Tajdīd* tersebut kebanyakan dipelopori oleh ulama-ulama Timur Tengah, khasnya dari al-Haramain. Sebahagian sarjana, seperti Hamka dan Greertz berpendapat bahawa usaha-usaha *Tajdīd* oleh para ulama Timur Tengah itu bermula pada abad ke 19M.²

Sebenarnya usaha pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia tidak hanya bermula pada awal abad ke sembilan belas tetapi telah wujud semenjak abad ke 17 M. Dr. Azyumardi Azra telah membuktikan bahawa gerakan pembaharuan Islam di Nusantara telah dilakukan oleh ulama-ulama Timur Tengah semenjak abad ke 17 M.³ Di antara para ulama tersebut terdapat nama Nur al-Dīn al-Rāniর [w. 1068/1658], ‘Abd al-Rauf al-Sinkilī [1024-1105/1615-1693] di Aceh, Muhammad Yūsuf al-Maqassarī [1037-1111/1627-1699] di Makasar.

PENDAHULUAN

1. Latar belakang masalah.

Indonesia negara muslim terbesar di dunia. Islam telah masuk ke Indonesia semenjak abad 8 M.¹ Hal ini menunjukkan bahawa Islam telah berakar umbi dalam masyarakat Indonesia. Tetapi dalam realiti kehidupan ajaran Islam tidak terlaksana secara menyeluruh. Banyak terjadi pergeseran nilai sosial politik yang mengarah kepada menjahui ajaran Islam. Sehingga dalam masyarakat Indonesia kontemporeri Islam lebih dekat kepada upacara-upacara ritual semata.

Keadaan seperti ini mendorong para ulama untuk melakukan pembaharuan (*Tajdīd*) terhadap pemikiran Islam. Usaha-usaha *Tajdīd* tersebut kebanyakan dipelopori oleh ulama-ulama Timur Tengah, khasnya dari al-Haramain. Sebahagian sarjana, seperti Hamka dan Greertz berpendapat bahawa usaha-usaha *Tajdīd* oleh para ulama Timur Tengah itu bermula pada abad ke 19M.²

Sebenarnya usaha pembaharuan pemikiran Islam di Indonesia tidak hanya bermula pada awal abad ke sembilan belas tetapi telah wujud semenjak abad ke 17 M. Dr. Azyumardi Azra telah membuktikan bahawa gerakan pembaharuan Islam di Nusantara telah dilakukan oleh ulama-ulama Timur Tengah semenjak abad ke 17 M.³ Di antara para ulama tersebut terdapat nama Nur al-Dīn al-Rānīrī [w. 1068/1658], ‘Abd al-Rauf al-Sinkilī [1024-1105/1615-1693] di Aceh, Muhammad Yūsuf al-Maqassarī [1037-1111/1627-1699] di Makasar.

Usaha pembaharuan tersebut terus berlanjut hingga ke abad 20 M. *Tajdīd* pemikiran pada abad ke 20 lebih teratur dan terorganisasi. Di samping itu bentuk dan medan dakwah telah dibahagikan kepada berbagai lapangan perjuangan. Sebahagian ada yang berdakwah melalui parti politik seperti Majlis Syura Muslimin Indonesia (MASYUMI) dan Nahdhatul Ulama (NU). Ada juga yang melalui sarana pendidikan seperti Muhammadiyah, Persatuan Islam (PERSIS) dan pertubuhan lainnya. Tetapi usaha-usaha tersebut belum memberikan hasil yang diharapkan.

Kelompok Islam pernah gagal dalam misi mengangkat martabat Islam ke dalam kehidupan sosial, politik dan ekonomi daripada sekedar kegiatan ritual. Hal ini berlaku pada tahun 1959 di mana parti-parti Islam berjuang untuk menjadikan Islam sebagai dasar negara. Namun semua usaha tersebut berakhir dengan kegagalan. Ini bermula dari dikeluarkannya dekri Presiden Sukarno 5 Julai 1959. Keputusan Presiden (Kepres) tersebut menetapkan untuk kembali kepada Undang-Undang Dasar 1945 (UUD 1945) ini, sebagai *antisipasi* atas kegagalan *konstituante* hasil pilihan raya 1955 dalam menetapkan Undang-Undang Dasar (UUD) Republik Indonesia yang baru, sebagai pengganti Undang-Undang Sementara 1950 (UUDS 1950). Di mana anggota konstituante gagal dalam menentukan falsafah /dasar negara. Ada kelompok yang ingin menjadikan Pancasila sebagai dasar dan falsafah negara. Sedangkan kelompok Islam berusaha menjadikan Islam sebagai dasar dan falsafah negara. Kelompok ini diwakili oleh Masyumi, NU, PSSI dan Perti. Dengan dikeluarkannya Kepres 5 Julai 1959 muncul dua blok besar; blok Pancasila yang mendukung Kepres tersebut dan blok Islam sebagai penentang.²

Keluarnya keputusan Presiden itu diikuti dengan dua peristiwa penting:

1. Pengibaran bendera merah putih selama sepuluh hari, sebagai sambutan terhadap dekri tersebut dijumumkan oleh kementerian penerangan.
2. **Perintah harian Kepala Staff Angkatan Darat (KASAD) yang ditujukan kepada setiap prajurit, agar siap siaga mengamankan pelaksanaan isi dekri.³**

Usaha kelompok Islam semakin berat apabila ada sebahagian pemikir muslim menolak bahawa Islam adalah agama yang sempurna. Fenomena ini sebenarnya terjadi di merata negeri-negeri muslim. Meskipun contohnya terdapat tokoh muslim atau ulama yang menentang keuniversalan Islam. Ini dapat dilihat dari karya 'Alī 'Abd Rāziq dalam kitab *al-Islām wa Uṣūl al-Hukm*. Dalam karya yang penuh kontroversi ini 'Alī 'Abd Rāziq menafikan adanya sebuah sistem politik dalam Islam.

© 2018

Fenomena ini merupakan perang pemikiran yang ditunggangi oleh dakyah kristian antara bangsa, orientalisme dan zionisme sejagat. Tujuannya untuk menghambat kebangkitan umat Islam yang dapat mengancam tamaddun Barat. Mereka secara tersembunyi menyokong setiap pergerakan, pertubuhan dan pemikiran yang bertentangan dengan Islam.

Khas di Indonesia, pada tahun tujuh puluhan seorang pemikir muslim di Indonesia melontarkan slogan "*Islam yes, parti Islam no!*"⁴ Selogan ini membangkitkan polemik di tengah masyarakat muslim Indonesia. Apalagi

terdengar isu bahawa kelompok Islam akan dipinggirkan dari kehidupan politik. Persamaan waktu antara selogan baru tersebut dengan dasar awam kerajaan yang memandang curiga ke atas kelompok Islam menimbulkan berbagai syakwasangka.

:

Latar belakang penolakan sebahagian pemikir muslim terhadap sistem politik Islam -terlepas dari adanya konspirasi untuk menyingkirkan peranan kelompok Islam- salah satunya disebabkan oleh sedikitnya informasi asli dan mendalam tentang Islam itu sendiri. Di mana khazanah intelektual dan tamaddun Islam terpendam dalam kitab-kitab *turāth*/klasik. Ditambah lagi kebanyakan pemikir yang menolak keuniversalan Islam melihat Islam dari kaca mata barat/orientalis sekular. Mereka tidak mengkaji Islam dari sumber-sumber yang muktabar.

Sebagai sebuah contoh seorang pemikir muslim mendakwa bahawa Rasulullah s.a.w adalah seorang pemimpin diktator. Rasulullah memerintah tanpa memandang kepada pendapat para sahabat lainnya⁵. Ia juga mendakwa bahawa tidak terdapat satu kaedah tertentu dalam proses perlantikan ketua negara pada masa *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*.

Keraguan atau penolakan ini memaksa untuk mencari satu sistem alternatif. Demokrasi adalah merupakan salah satu pilihan. Apatah lagi banyak negara yang menggunakan sistem demokrasi, walaupun melalui cara rampasan kuasa mahupun pencabulan hak-hak asasi manusia. Seperti yang diungkapkan oleh Gilete Hitchner dan Carol Levine dalam bukunya *Comperatif Goverment and Politics* : "hampir setiap negara bagaimanapun sistem politiknya, mengklaim

[mendakwa] bahwa [bahawa] bentuknya adalah demokratis. Tapi kadang-kadang kata “demokratis” itu dikwalifisir [dikaburkan] dengan ekspressi-ekspressi [ungkapan-ungkapan] seperti “basic”, “paternal”, “traditional”, atau “people”, sehingga dalam realitasnya,[realitinya] “tyrannical”, dan “authoritarian”.⁷

Indonesia setelah merdeka paling sedikit telah melewati tiga bentuk demokrasi; Demokrasi Perlempenter/multi parti, Demokrasi Terpimpin dan Demokrasi Pancasila. Dua bentuk terakhir walaupun berbeza nama tetapi secara mendasar tidak ditemui banyak perbezaan antara keduanya. Banyak dasar-dasar awam yang dilaksanakan oleh pemerintah Orde Baru (demokrasi pancasila) merupakan kelanjutan dari polisi Orde Lama (demokrasi terpimpin).

Kedua sistem ini telah memicu polemik yang tak berkesudahan. Bahkan perdebatan mengenai demokrasi Pancasila semakin hebat. Demokrasi Pancasila yang lahir bersamaan dengan lahirnya Orde Baru merupakan sebuah sistem yang unik. Pertama sistem ini didakwa tidak sama dengan demokrasi Barat. Namun demikian ianya juga berbeza dengan demokrasi sosialis di Timur. Para penyokongnya berpendapat bahawa demokrasi Pancasila adalah penggabungan dari nilai-nilai positif yang ada pada kedua sistem tersebut. Namun konsep demokrasi Pancasila itu sendiri masih kabur sehingga mudah menjadi alat tunggangan rejim yang berkuasa.

Arbi Sanit, seorang pengamat politik mengatakan:

“Tragisnya, dua sistem politik, yaitu demokrasi Terpimpin dan demokrasi Pancasila, ternyata tidak atau belum berhasil melaksanakan kedaulatan rakyat, alias hak-hak sipil dan politik secara memadai.

Bahkan pengamat politik Indonesia berkesimpulan bahwa kedua sistem politik pengguna UUD 1945 itu terjebak dalam peluang otoritarian, yang memang tersedia dalam UUD itu sendiri”.

Dari sudut perlantikan ketua negara, demokrasi Pancasila mempunyai perbezaan dengan demokrasi yang lazim dikenal di negara-negara lain. Demokrasi yang terdapat di mana-mana negara mengatur cara pemilihan ketua negara melalui pilihan raya atau wakil-wakil rakyat. Wakil-wakil rakyat tersebut merupakan hasil pilihan raya sebagai suara rakyat. Dalam demokrasi Pancasila tidak semua wakil rakyat merupakan hasil pilihan dan kehendak suara rakyat. Hampir separuh dari wakil rakyat (Orde Baru) dilantik oleh presiden berdasarkan “Undang-Undang!”

Demokrasi Pancasila memberikan kaedah dan persyaratan perlantikan ketua ketua negara yang agak longgar. Banyak pihak yang melihat persoalan ini memberi kesan secara langsung kepada aspek kepemimpinan dan pembangunan negara. Kondisi seperti ini akhirnya menimbulkan polemik yang hebat sama ada dari para pakar hukum, ahli politik, mahupun dari kelompok Islam. Lebih-lebih lagi debat seputar demokrasi Pancasila itu sendiri belum selesai.

Kelompok Islam sendiri terpecah menjadi dua ada yang menyokong dan yang menentang. Kelompok yang memandang Islam sebagai agama yang universal lebih memprioritikan sistem politik Islam daripada mengimport sistem politik konvensional. Walaupun kelompok ini memerlukan tenaga lebih untuk - mengetengahkan sistem politik Islam sama ada secara teoriti mahupun praktik.

Kelompok kedua memandang Islam hanya sebagai sarana yang mengatur hubungan manusia dengan “langit” serta perkara-perkara ritual. Oleh kerana itu kelompok ini berusaha menjauhkan Islam dari kehidupan politik. Mereka lebih menerima demokrasi Pancasila kerana lebih diterima oleh berbagai lapisan masyarakat.⁹

Di antara hujjah-hujjah yang dilontarkan kelompok ini, dikatakan bahawa demokrasi Pancasila adalah satu sistem politik yang paling sesuai dengan ajaran Islam. Oleh kerana itu penduduk Indonesia yang majoriti beragama Islam semestinya menyokong sistem ini.

Debat hangat Islam-Pancasila, khasnya tentang perlantikan ketua negara yang dilatar belakangi oleh keraguan terhadap keuniversalan Islam terus marak. Hal ini menimbulkan berbagai tuduhan ke atas agama Islam, Rasulullah s.a.w dan para sahabat. Di pihak lain kelompok pembela Islam menemui banyak kesulitan dalam membentangkan konsep politik Islam ke dalam bahasa yang mudah difahami. Berbagai faktor banyak menghambat usaha tersebut. Salah satunya konsep politik Islam masih tersorok dalam kitab-kitab turath dalam berbagai disiplin ilmu.

Oleh kerana itu persoalan ini amat penting untuk dikaji secara mendalam. Kerana kewibawaan satu sistem politik banyak bergantung kepada kepemimpinan negara. Kajian ini bertujuan untuk mengukur aspek kekuatan dan kelemahan dengan merujuk kepada pemilihan ketua negara dalam sistem *Syūra* secara perbandingan.

Sebagai salah seorang generasi Islam Penulis ingin mengangkat permasalahan ini dalam sebuah kajian ilmiah. Dengan harapan dapat memberikan sumbangan bagi khazanah intelektual Islam, khasnya ilmu politik Islam.

:

2. Permasalahan Kajian:

Adapun permasalahan yang dikaji di sini adalah satu studi komperatif tentang perlantikan ketua negara antara demokrasi Pancasila dan sistem *Syūra*. Apakah sistem perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila selari dengan ajaran Islam? Ataukah ianya bertentangan dengan nilai-nilai dan ajaran Islam. Kajian ini dilakukan dengan merujuk kepada sumber-sumber hukum Islam iaitu Al-Qur'an dan al-Sunnah serta sumber-sumber lainnya.

3. Skop Kajian

Penyelidikan ini dihadkan kepada permasalahan yang berkaitan dengan perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila dan sistem *Syūra*, serta kajian perbandingan antara kedua sistem tersebut

Demokrasi Pancasila yang dimaksud di sini adalah demokrasi Pancasila yang lahir bersama dengan pemerintahan Orde Baru (ORBA). Iaitu demokrasi yang lahir berdasarkan ketetapan MPR-S (Majlis Permusyawaratan Rakyat-Sementara) XXXVII/1968. Kerana melalui ketetapan MPR-S inilah untuk pertamakalinya istilah demokrasi Pancasila secara formal menjadi sistem politik ORBA.

Permasalahan-permasalahan yang ditonjolkan:

1. Pemilihan ketua negara dalam sistem *Syūra*.
2. Cara pemilihan dan jumlah wakil-wakil rakyat atau *Ahl al-Syūra*.
3. Cara perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila.
4. Cara pemilihan dan jumlah wakil rakyat atau ahli MPR/DPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat/ Dewan Perwakilan Rakyat).
5. Kajian perbandingan antara demokrasi Pancasila dengan sistem *Syūra* dalam perlantikan ketua negara.

4. Objektif Kajian

Kajian ini dibuat untuk mencapai beberapa obyektif:

- a. Mengkaji secara mendalam kaedah perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūra* dan demokrasi Pancasila.
- b. Melakukan studi perbandingan antara demokrasi Pancasila dengan sistem *Syūra*. Sehingga dapat memberikan penilaian terhadap pemilihan ketua negara dalam demokrasi Pancasila. Adakah cara tersebut selari dengan nilai-nilai ajaran Islam? Atau tidak?
- c. Berusaha mencari cara perlantikan ketua negara yang terbaik dan lebih efektif sebagai jalan keluar dalam menghadapi kepincangan-kepincangan yang dimiliki oleh sistem konvensional dalam pemilihan ketua negara, khasnya dalam demokrasi Pancasila. Jalan keluar ini diharapkan dapat memenuhi cabaran bagi perkembangan masyarakat dunia yang semakin kompleks. Paling tidak sebagai pembuka jalan bagi kajian yang sama di masa mendatang.

5. Kepentingan Kajian

Kajian ini Penulis lakukan kerana ianya memiliki beberapa kepentingan.

Di antara kepentingan kajian ini adalah sebagai berikut:

- a. Penyelidikan komperatif tentang cara perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila merupakan sebuah isu semasa yang hangat. Melihat kepada umur demokrasi Pancasila yang relatif masih muda serta tiadanya kajian ilmiah tentang sistem ini dari sudut pandang politik Islam. Di samping itu perlantikan ketua negara semenjak awal kemerdekaan 1945 sehingga reformasi 1998 telah melahirkan berbagai kontroversi sama ada jika dipandang dari sudut perlembagaan mahupun politik. Hal ini akan semakin menarik apabila dikaji mengikut pandangan politik Islam.
- b. Perlantikan ketua negara yang pernah dicoba oleh bangsa Indonesia biasanya berakhir dengan berbagai krisis. Oleh kerana itu muncul harapan adanya suatu sistem yang mengatur pemilihan dan perlantikan ketua negara yang dapat menghasilkan pemimpin harapan rakyat. Penyelidikan ini diharapkan dapat memberikan sumbangan bagi kehidupan politik kontemporeri, khasnya dalam proses perlantikan ketua negara. Sekaligus dapat membuktikan bahawa Islam juga mengatur kehidupan berpolitik.
- c. Di samping itu kajian ini diharapkan memberikan jawapan terhadap tuduhan kelompok nasionalisme-sekuler yang menganggap Islam sebagai agama ritual semata.

- d. Terakhir kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan kepada kahzanah ilmu pengetahuan, khasnya ilmu politik Islam /*Siyāsah al-Syar'iyyah*.

:

6. Hipotesis

Perlantikan ketua negara dalam sistem demokrasi Pancasila memiliki beberapa kelemahan. Kelemahan tersebut berpunca dari kaburnya aturan perlembagaan mengenai cara dan kaedah perlantikan ketua negara. Keadaan ini mengakibatkan wujudnya kelemahan Undang-Undang (UU) dan Peraturan-peraturan Pemerintah (PP) yang berkaitan dengan pilihan raya dan MPR/DPR. Keadaan ini semakin nampak dengan wujudnya krisis politik dalam setiap pergantian ketua negara.

Islam, di samping mengatur mengenai kehidupan akherat juga mengatur tentang kehidupan dunia. Oleh kerana itu, kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam demokrasi Pancasila mungkin terdapat jalan keluarnya dalam sistem *Syūrā*. Hal ini sekaligus ingin melihat sejauh mana sumbangan dan keberkesanan sistem politik Islam dalam menghadapi berbagai problema dalam kehidupan berpolitik, khasnya dalam perlantikan ketua negara.

7. Metodologi Kajian

Metodologi memainkan peranan yang sangat penting dalam sebuah kajian ilmiah. Metodologi diperlukan untuk memudahkan jalan bagi mendapatkan data

dan fakta yang sahif dan tepat. Sehingga dapat menghasilkan kesimpulan-kesimpulan yang tepat serta dapat dipertahankan secara ilmiah.

Menurut kamus Dewan metod bererti cara melakukan sesuatu atau sistem.¹⁰ Oleh kerana itu metodologi adalah satu prosedur tertentu bagi memahami sesuatu penelitian dan penyelidikan.¹¹ Maka, dalam kajian ilmiah metod merupakan suatu prosedur atau cara mengetahui sesuatu yang mempunyai langkah-langkah yang sistematik.¹²

Dalam usaha mengkaji, menyusun, menulis dan menyiapkan disertasi ini penulis menggunakan beberapa metod berikut:

- a. Metodologi pengumpulan data
- b. Metodologi analisa data.

Penjelasan ringkas mengenai metodologi-metodologi di atas adalah sebagai berikut:

7.1. Metodologi Pengumpulan Data.

Untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data dan fakta-fakta yang relevan dengan kajian ini Penulis menggunakan beberapa metod. Di antaranya:

- a. Metod Histori.
- b. Metod Dokumentasi.
- c. Metod Observasi

a. Metod Histori.

Menurut Sidi Gazalba¹³ kajian yang menggunakan metod ini merupakan cara membuat penyelidikan terhadap perkara-perkara yang mengandungi perspektif sejarah. Tujuannya untuk mendapatkan data yang mempunyai nilai-nilai sejarah.¹⁴

Penulis menggunakan metod ini dalam usaha untuk mendapatkan data-data mengenai:

1. Pelaksanaan sistem *Syūra* terutama sekali pada masa Rasulullah s.a.w, dan *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*. Fakta-fakta sejarah pengamalan sistem *Syūra* pada masa ini adalah sangat penting untuk memberikan gambaran sebenar mengenai sistem *Syūra*. Iaitu untuk membuktikan bahawa sistem *Syūra* yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w dan para sahabat tidak hanya berkaitan dengan kehidupan politik dan bernegara tapi juga berlaku dalam kehidupan sosial kemasyarakatan. Metod ini penulis gunakan pada Bab I.
2. Konsep pemilihan dan perlantikan ketua negara pada masa *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*. Proses perlantikan ketua negara/*Khalīfah/Amīr al-Mu'minīn* pada zaman ini sangat penting dalam memahami dan mendapatkan interpretasi ke atas nas-nas Al-Qur'an dan Hadith yang bersifat am melalui pelaksanaan di alama nyata. Di samping itu kajian sejarah ini dapat membantu dalam mencari punca *khilāfiyah* ulama mengenai proses perlantikan *Khalīfah*. Kajian sejarah ini penulis lakukan dalam menyiapkan Bab II.
3. Penulisan sejarah kelahiran dan perkembangan demokrasi Pancasila. Metod ini penulis gunakan dalam menyiapkan Bab I yang berkaitan

dengan kelahiran dan perkembangan demokrasi Pancasila. Kajian sejarah ini adalah untuk melihat situasi dan kondisi yang mengiringi kelahiran Pancasila dan seterusnya kelahiran demokrasi Pancasila itu sendiri. Banyak peristiwa sejarah yang tidak didedahkan oleh pemerintah Republik Indonesia kepada masyarakat awam. Terutama sekali peristiwa sejarah yang berkaitan dengan kepentingan-kepentingan umat Islam.

4. Sejarah perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila. Begitu juga dengan proses perlantikan Soekarno sebagai Presiden Republik Indonesia pada awal kemerdekaan dan pada masa demokrasi Terpimpin seperti di dalam Bab III. Walaupun perlantikan tersebut bukan dalam demokrasi Pancasila namun ianya juga sama-sama di bawah perlembagaan UUD 1945.

Dalam melakukan kajian histori penulis berusaha untuk mendapatkan data-data dan fakta sejarah dari sumber pertama. Iaitu dengan mengkaji langsung dari sumber-sumber sejarah yang berkaitan dengan kajian ini. Dalam pembahasan yang berkaitan dengan sejarah Islam Penulis berusaha merujuk langsung kepada kitab-kitab *turāth*. Terutama sekali dalam mengkaji sejarah perkembangan sistem *Syūra* dan perlantikan ketua negara pada masa *al-Khulafā' al-Rāsyidūn*. Kerana banyak penyimpangan sejarah yang terjadi dalam periode ini sehingga memerlukan kajian langsung kepada sumber-sumber utama. Walaupun demikian karya-karya ulama kontemporeri mengenai periode ini tetap digunakan sebagai bahan perbandingan.

Untuk itu penulis menggunakan sumber-sumber rujukan dari perpustakaan, jurnal-jurnal dan beberapa dokumen yang berkaitan dengan permasalahan tersebut.

;

b. Metod Dokumentasi

Metod dokumentasi adalah satu cara pengumpulan data dengan melakukan studi terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungannya dengan masalah yang diteliti.¹⁵

Oleh kerana itu kajian ini dilakukan dengan panduan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Dari dokumen-dokumen tersebut penulis dapat mengambil kesimpulan setelah melakukan penelitian dan pengolahan.

.....

Metod ini penulis gunakan dalam:

1. Memberikan definisi tentang *Syūra* dan demokrasi Pancasila sama ada secara etimologi mahupun secara terminologi seperti dalam Bab I.
2. Mengumpulkan pendapat para Ulama terdahulu dan kontemporari mengenai proses perlantikan ketua negara dalam Bab II.
3. Mengumpulkan fakta-fakta yang berkaitan dengan proses perlantikan ketua negara dalam sistem *Syūra* dan demokrasi Pancasila. Seterusnya membuat perbandingan antara kedua sistem tersebut bagi menjelaskan apakah ada percanggahan antara keduanya atau tidak. Seperti dalam Bab III dan IV.

Kebanyakan dokumen-dokumen yang penulis gunakan dalam tulisan ini diperolehi dari sumber pertama. Sebahagian yang lain dari sumber kedua. Antara dokumen-dokumen yang digunakan ialah:

1. Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w.
2. Kitab-kitab sejarah Islam sama ada kitab *turāth* (kelasik) atau kontemporeri.
3. Kitab-kitab Fiqah dan kitab-kitab Hadith.
4. Kitab-kitab politik Islam sama ada turath mahupun kitab-kitab kontemporeri.
5. Buku-buku tentang demokrasi Pancasila khasnya tentang pemilihan ketua negara.
6. Ketetapan-ketetapan MPR/Tap MPR.
7. Instruksi-instruksi Presiden/Inpres. Akhbar-akhbar, majalah-majalah, kertas kerja serta bahan bertulis lainnya yang relevan dengan kajian ini.

Kebanyakan dokumen-dokumen dalam kajian ini diprolehi dari:

1. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Petaling Jaya.
3. Perpustakaan Awam Pusat Islam, Kuala Lumpur.
4. Perpustakan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia.
5. Sekretariat MPR Republik Indonesia.
6. Laman wab Majelis Permusyawaratan Rakyat Republik Indonesia. <http://mpr.wasantara.net.id/>, 14 Mac 2001.
7. Dewan Pertimbangan Agung (DPA).
8. Laboratorium Pancasila, IKIP, Malang Santiaji Pancasila. 1973.
9. Perpustakaan pribadi penulis.

c. Metod Observasi

Metod observasi atau pengamatan ialah cara pengumpulan data dengan melakukan pengamatan secara langsung terhadap objek penelitian. Di dalamnya terdapat pengalaman, pengamatan penelitian di dalam masalah yang ada hubungan dengan masalah yang dikaji.¹⁶ Metod ini digunakan untuk melengkapi data-data yang telah diperolehi melalui penggunaan metod-metod yang lain seperti dalam Bab II dan Bab III.

Metod ini lebih tertumpu kepada pengamatan penulis sepanjang pilihan raya tahun 1999. Pilihan raya ini adalah pilihan raya penting dalam sejarah bangsa Indonesia kerana ianya merupakan pilihan raya reformasi selepas kejatuhan rezim Suharto. Di samping itu rakyat awam sangat berharap dengan pilihan raya ini ada satu perubahan yang berarti untuk masa depan mereka. Oleh kerana itu tindak tanduk parti-parti politik serta perubahan undang-undang sangat penting dalam menentukan perjalanan demokrasi Pancasila alaf baru.

Metod ini penulis gunakan dalam mengamati proses pemilihan ketua negara dalam demokrasi Pancasila. Melihat dan mengamati pelaksanaan pilihan raya yang diadakan berdasarkan sistem demokrasi Pancasila. Ini penting untuk mengenal pasti tentang proses pemilihan ketua negara. Kerana antara undang-undang dengan realiti lapangan kadang-kadang berbeza bahkan adakah lantaran bercanggah.

7.2. Metodologi Analisa Data

Data-data yang telah terkumpul melalui metod-metod yang tersebut di atas seterusnya dianalisa dan diolah. Dalam menganalisa dan mengolah data-data tersebut penulis menggunakan tiga metod berikut:

- a. Metod Induktif.
- b. Metod Deduktif.
- c. Metod Komperatif.

a. Metod Induktif

Metod induktif ialah suatu cara menganalisa data melalui pola berfikir bagi mencari bukti dan keterangan dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada suatu kenyataan yang bersifat umum.¹⁷

Metod ini penulis gunakan dalam mengkaji amalan-amalan *Syūra* pada zaman Rasulullah s.a.w dan *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* seperti dalam Bab I. Aktiviti dan pelaksanaan sistem *Syūra* pada kedua zaman tersebut Penulis gunakan untuk membuat kesimpulan mengenai hakekat sebenar sistem *Syūra* dalam Islam. Metod ini juga penulis gunakan dalam mengkaji proses perlantikan ketua negara pada masa *al-Khulafā' al-Rāsyidūn* di dalam Bab II. Realiti sejarah ini penulis gunakan untuk membuat kesimpulan am tentang perlantikan ketua negara mengikut sistem *Syūra*, di samping berpandukan pada nas-nas Al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

Di dalam Bab II dan Bab III metod ini juga penulis gunakan. Iaitu ketika mengkaji proses perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila. Peristiwa-

peristiwa perlantikan Soekarno, Soeharto, BJ Habibie dan Abdurrahman Wahid penulis gunakan dalam membantu untuk membuat konklusi am proses perlantikan ketua negara dalam demokrasi Pancasila.

j

b. Metod Deduktif

Metod deduktif ialah cara menganalisa dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil umum terhadap hal-hal khusus.¹⁸

Penulis menggunakan metod ini dalam mengkaji nas-nas Al-Qur'an dan Sunnah yang bersifat am, untuk dapat menerangkan hakekat sebenar sistem *Syūra* dalam Islam dalam Bab I. Begitu juga nas-nas yang bersifat am tersebut Penulis gunakan dalam menerangkan tentang proses perlantikan ketua negara mengikut ajaran Islam di dalam Bab II.

Demikian juga metod ini digunakan dalam mengkaji undang-undang pilihan raya, undang-undang yang berkaitan dengan MPR/DPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat/Dewan Perwakilan Rakyat) dalam sistem demokrasi Pancasila. Melalui pembahasan tersebut dapat menerangkan tentang proses pemilihan ketua negara menurut demokrasi Pancasila. Seperti yang terdapat di dalam Bab III.

c. Metod Komperatif

Metod komperatif ialah cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi dalam masa penelitian dilakukan.¹⁹ (Halim 1987:136).

Metod ini secara maksimum penulis gunakan dalam membuat perbandingan mengenai pemilihan ketua negara antara sistem *Syūra* dan demokrasi Pancasila di dalam Bab IV. Sehingga dapat diketahui adakah kedua sistem ini memiliki persamaan atau perbezaan dalam pemilihan ketua negara.

Penggunaan metod ini dalam perbandingan antara sistem *Syūra* dan demokrasi Pancasila, penulis bahagikan kepada beberapa bahagian:

- a. Perbandingan dari segi dasar hukum perlantikan ketua negara dalam kedua sistem tersebut.
- b. Perbandingan mengenai persyaratan ketua negara.
- c. Perbandingan mengenai persyaratan para wakil rakyat atau ahli parlimen.

Dengan perbandingan berdasarkan kepada topik kajian yang sama antara kedua sistem tersebut maka diharapkan dapat dihasilkan satu perbandingan yang seimbang.

Walaupun demikian metod ini juga penulis gunakan dalam menyiapkan Bab I dan Bab II. Di dalam Bab I metod ini penulis gunakan dalam

memperbandingkan pendapat para ulama mengenai hukum melaksanakan sistem *Syūra*. Sedangkan dalam Bab II penulis menggunakan metod ini dalam mengkaji pendapat para ulama berkaitan dengan perlantikan ketua negara dalam Islam.

NOTA RUJUKAN

1. A. Hasymi (1989), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*. Bandung: AlMa'arif ; Alatas, Syed Naquib (1969), *Preliminary Statement on General Theory of Islamization of The Malay Indonesian Archipelago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
2. Dr. Azyumardi Azra (1995), *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII: Melacak Akar-akar Pembaharuan Pemikiran Islam di Indonesia*. Bandung: Penerbit Mizan., h. 240.
3. Ibid.
4. HA. Notosoetarjo (1964), *Proses Kembali Kepada Djawa Proklamasi 1945*. Jakarta: Lembaga Penggali dan Penghimpun Sejarah "Endang", h. 331-350.
5. Ibid., h. 662-663.
6. Agus Edi Santoso (Ed) (1997), *Tidak Ada Negara Islam: Surat-Surat Politik Nurcholish Madjid- Mohamad Roem*. Jakarta: Penerbit Djambatan., h. IX.
7. Munawir Sjadzali M.A. (1992), *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.
8. Ibid., h. 30.
9. Ismail Sunny (1987), *Mekanisme Demokrasi Pancasila*. Jakarta: Aksara Baru., h. 9.
10. Arbi Sanit (1998), *Reformasi Politik*. Jakarta: Pustaka Pelajar., h. 184-185.
11. Munawwir (1992), op cit., h. 209-210.
12. Ghani, Rusli Abdul. November, 1989. *Peristilahan Legelasi Hippocrates ars Longga,Vita Brevis* (Pelita Bahasa, bil. 9). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 25.
13. A.Peter Angeles (1981), *A Dictionary of Philosophy*. London: Harper and Row Publishers., h. 171.
14. Peter Senn R. (1971) *Sosial Science and its Methods*. Boston: Holbrook., h. 4.
15. Sidi Gazalba (1981), *Pembimbing Latihan dan Tesis*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara., h. 77.
16. Abdul Halim (Dr.) (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraiyan Metodologi*. Kuala Lumpur: Fakulti Ushuluddin, Akademi Islam Universiti Malaya., h. 111-112.
17. Ibid., h. 115.

18. Ibid., h. 129.

19. Angeles (1981). Op.cit., h. 132.

20. Halim (1987). Op.cit., 134.

21. Ibid.

j

17/10/2022